

Headline	Projek hartanah tumpu daerah membangun lain
MediaTitle	Sinar Harian (Perak)
Date	22 Jun 2015
Section	News
Page No	37
Language	Malay
Journalist	RAZIF ROSLI
Frequency	Daily



Projek hartanah tumpu daerah membangun lain

■ RAZIF ROSLI

IPOH - Kerajaan negeri kini memberi tumpuan kepada usaha pembinaan rumah di daerah lain yang sedang membangun bagi memastikan projek perumahan yang dijalankan benar-benar memberi manfaat kepada rakyat.

Exco Kerajaan Negeri, Datuk Dr Mah Hang Soon berkata, berdasarkan statistik laporan pasaran hartanah 2014, skim-skim pembangunan hartanah baharu yang dilancarkan pada 2014 berjumlah 5,709 unit dan terdapat ketidakseimbangan dalam pembangunan di daerah-daerah.

"Hasil laporan itu, 65.4 peratus daripada pembangunan itu tertumpu di daerah Kinta

dan Batang Padang sementara tujuh daerah lagi mendapat 34.6 peratus projek baharu yang dilancarkan.

"Saya yakin terdapat keperluan-keperluan perumahan untuk golongan berpendapatan rendah di daerah lain dan kerajaan negeri akan meneliti keadaan ini selain merancang pendekatan sesuai agar pemilikan rumah untuk semua kaum dan golongan dapat direalisasikan," katanya.

Beliau berkata demikian sempena Ekspo Hartanah Malaysia (Mapex) Perak 2015 yang berlangsung selama tiga hari, berakhir semalam di pusat beli-belah Ipoh Parade.

Hang Soon berkata, pihaknya meminta lebih ramai pemaju perumahan tampil membantu kerajaan negeri



Hang Soon (dua, kiri) melawat pameran Ekspo Hartanah Malaysia (Mapex) Perak 2015 di pusat beli-belah Ipoh Parade.

dalam menyediakan produk hartanah di negeri ini.

"Kerjasama pemaju ini mampu menyelesaikan keperluan perumahan rakyat.

"Malah secara tidak lang-

sung penyediaan harta kediaman, kedai, kompleks perniagaan, industri dan kawasan rekreasi ini boleh memberi impak kepada kemasukan pelabur asing," katanya.